



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 638**

## **AKTA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 24 Disember 2004

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 30 Disember 2004

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 638

### AKTA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### PENUBUHAN AGENSI DAN PELANTIKAN

3. Penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan
4. Pelantikan Ketua Pengarah Agensi
5. Pelantikan pegawai-pegawai lain Agensi

##### BAHAGIAN III

##### FUNGSI DAN KUASA AGENSI

6. Fungsi Agensi
7. Kuasa Agensi

##### BAHAGIAN IV

##### AM

8. Laporan tentang status penyiasatan
9. Laporan pegawai Agensi
10. Pegawai disifatkan sentiasa bertugas
11. Pengenalan diri

Seksyen

12. Perintah-perintah tetap

13. Peraturan-peraturan

JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 638

#### \*AKTA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004

Suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan untuk meletakkan kuasa pada pegawai-pegawai Agensi untuk melaksanakan fungsi pencegahan, rawatan, pemulihan, penguatkuasaan, penyiasatan, langkah-langkah pencegahan khas, pelucuthakan harta dan pentadbiran mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*], Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [*Akta 283*], Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [*Akta 316*], Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [*Akta 340*] dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Agensi” ertinya Agensi Antidadah Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

---

\*CATATAN— Akta ini masih belum berkuat kuasa.

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Agensi yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“pegawai Agensi” termasuklah Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 5.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN AGENSI DAN PELANTIKAN

#### **Penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan**

**3.** (1) Bagi maksud Akta ini, Agensi Antidadah Kebangsaan ditubuhkan.

(2) Agensi hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, digunakan khidmatnya bagi pencegahan, pengesanan, penangkapan, penguatkuasaan, penyiasaan dan pendakwaan pesalah-pesalah yang melibatkan kesalahan-kesalahan dadah berbahaya, rawatan dan pemulihan penagih dadah, tahanan pencegahan khas orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, pelucuthakan harta yang dikaitkan dengan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dadah berbahaya dan pengumpulan risikan keselamatan yang berhubungan dengan aktiviti dadah berbahaya.

#### **Pelantikan Ketua Pengarah Agensi**

**4.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, yang hendaklah mengetuai Agensi, dari kalangan anggota perkhidmatan awam untuk selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(2) Tempoh pelantikan Ketua Pengarah tidak boleh melewati tarikh persaraan wajibnya daripada perkhidmatan awam, tetapi jika dia mencapai umur persaraan wajib itu dia boleh dilantik semula sebagai Ketua Pengarah oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat

Perdana Menteri, secara kontrak selama tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(3) Ketua Pengarah hendaklah, sepanjang tempoh pelantikannya sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, tertakluk kepada nasihat Perdana Menteri.

(4) Ketua Pengarah hendaklah, sepanjang tempoh jawatannya sebagai Ketua Pengarah, disifatkan sebagai anggota perkhidmatan awam am Persekutuan bagi maksud tatatertib.

(5) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi arahan, perintah, kawalan dan pengawasan segala perkara yang berhubungan dengan Agensi.

(6) Ketua Pengarah hendaklah, sebelum mula menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatannya, membuat, di hadapan Yang di-Pertuan Agong dengan cara yang diakuinya sebagai yang paling mengikat perasaan hati nuraninya, suatuakuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 13.

(7) Maka hendaklah dikeluarkan kepada Ketua Pengarah suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa sebagai keterangan tentang pelantikannya.

### **Pelantikan pegawai-pegawai lain Agensi**

**5.** (1) Maka hendaklah dilantik apa-apa bilangan pegawai Agensi untuk memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, Penolong Pengarah, Penyiasat, Penolong Kanan Pegawai, Penolong Pegawai dan apa-apa bilangan pegawai lain Agensi sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai apa-apa kuasa yang diperuntukkan baginya di bawah Akta ini dan hendaklah tertakluk kepada arahan, perintah, kawalan dan pengawasan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain Agensi yang lebih tinggi pangkatnya daripadanya, dan hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajibannya dengan mematuhi apa-apa arahan atau

petunjuk yang dinyatakan secara lisan atau bertulis oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain Agensi yang lebih tinggi pangkatnya daripadanya.

(3) Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai Agensi yang dilantik di bawah subseksyen (1), dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang pelantikannya di bawah Akta ini.

### BAHAGIAN III

#### FUNGSI DAN KUASA AGENSI

#### **Fungsi Agensi**

##### **6. Fungsi Agensi ialah—**

- (a) menguatkuasakan, menjalankan dan memberi kuat kuasa kepada peruntukan Akta Dadah Berbahaya 1952 kecuali seksyen 4, 5, 7, perenggan 9(1)(a), seksyen 11, subseksyen 12(1) dan seksyen 16 dan 17;
- (b) menguatkuasakan, menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsi di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (c) menguatkuasakan, menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsi di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;
- (d) menguatkuasakan, mentadbirkan, menjalankan dan memberi kuat kuasa kepada peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
- (e) mencegah dan menyekat pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (f) memberikan bantuan dalam apa-apa perkara penyalahgunaan dadah berbahaya atas permintaan Negara asing sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621];
- (g) mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah berbahaya;



- (h) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (i) menasihati Menteri mengenai polisi yang berhubungan dengan pencegahan penyalahgunaan dadah berbahaya, rawatan dan pemulihan penagih dadah, langkah pencegahan khas terhadap orang yang ada kaitan dengan pengedaran dadah berbahaya dan pelucuthakan harta yang dikaitkan dengan kesalahan dadah berbahaya; dan
- (j) secara amnya melaksanakan apa-apa kewajipan lain bagi memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya.

### **Kuasa Agensi**

7. (1) Agensi hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan maksud yang disebut dalam subseksyen 3(2) dan untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah seksyen 6.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), seseorang pegawai Agensi hendaklah mempunyai, bagi maksud Akta ini, segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2)—

- (a) seseorang Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi;
- (b) seseorang Penyiasat Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor;
- (c) seseorang Penolong Kanan Pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Sub-Inspektor;

- (d) seseorang Penolong Pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Sarjan; dan
- (e) seseorang pegawai Agensi yang berpangkat lebih rendah daripada pangkat Penolong Pegawai hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Koperal atau yang lebih rendah.

#### BAHAGIAN IV

#### AM

#### **Laporan tentang status penyiasatan**

8. (1) Mana-mana orang yang telah memberikan maklumat kepada Agensi di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 atau Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 boleh meminta suatu laporan tentang status penyiasatan kesalahan yang diadukan dalam maklumatnya daripada Agensi.

(2) Agensi hendaklah memberikan laporan status tentang penyiasatan kesalahan itu kepada pemberi maklumat tidak lewat daripada dua minggu dari penerimaan permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Agensi tidaklah dikehendaki memberikan laporan status tentang penyiasatan sesuatu kesalahan—

- (a) melainkan jika tempoh empat minggu telah luput dari tarikh pemberian maklumat itu; dan
- (b) yang mengandungi apa-apa perkara yang mungkin akan memudaratkan penyiasatan kesalahan itu atau pendakwaan kesalahan itu.

(4) Jika suatu permintaan telah dibuat di bawah subseksyen (1) dan Agensi telah gagal untuk memberikan laporan status kepada pemberi maklumat itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), tetapi tertakluk kepada subseksyen (3), pemberi maklumat itu boleh membuat laporan kepada Pendakwa Raya tentang kegagalan itu.

(5) Apabila menerima laporan di bawah subseksyen (4), Pendakwa Raya hendaklah mengarahkan Agensi supaya memberinya suatu laporan status yang terperinci tentang penyiasatan yang telah dijalankan oleh Agensi berhubung dengan kesalahan dalam maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat itu.

(6) Pendakwa Raya hendaklah menyebabkan supaya diberikan kepada pemberi maklumat itu, atau mengarahkan Agensi supaya memberi pemberi maklumat itu, suatu laporan status yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Pendakwa Raya.

(7) Mana-mana pegawai Agensi yang tidak mematuhi arahan Pendakwa Raya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **Laporan pegawai Agensi**

**9.** (1) Tiap-tiap penyiasatan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 atau Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 hendaklah diselesaikan tanpa kelengahan yang tidak perlu, dan pegawai Agensi yang membuat penyiasatan itu hendaklah, melainkan jika kesalahan itu daripada jenis yang telah diarahkan oleh Pendakwa Raya tidak perlu dilaporkan kepadanya, mengemukakan kepada Pendakwa Raya suatu laporan penyiasatannya berserta dengan kertas siasatan berkenaan dengan penyiasatan itu dalam masa satu minggu dari tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh maklumat itu diberikan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pendakwa Raya boleh pada bila-bila masa, tanpa mengira bahawa tempoh tiga bulan yang disebut dalam subseksyen (1) belum tamat, mengarahkan pegawai Agensi yang membuat penyiasatan itu supaya mengemukakan kepada Pendakwa Raya suatu laporan mengikut bentuk dalam Jadual dan kertas siasatan berkenaan dengan penyiasatan itu.

(3) Seseorang pegawai Agensi yang gagal mengemukakan laporan dan kertas siasatan di bawah seksyen ini melakukan suatu

kesalahan, dan apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh yang boleh sampai satu bulan atau didenda yang boleh sampai satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **Pegawai disifatkan sentiasa bertugas**

**10.** Tiap-tiap pegawai Agensi hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sentiasa bertugas apabila dikehendaki melaksanakan kewajipan atau fungsinya dan boleh melaksanakan kewajipan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain di mana-mana tempat di dalam atau di luar Malaysia.

### **Pengenalan diri**

**11.** Tiap-tiap pegawai Agensi apabila bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya pegawai itu bertindak atau yang daripadanya pegawai itu meminta apa-apa maklumat kad kuasa yang dikeluarkan kepada pegawai itu di bawah Akta ini.

### **Perintah-perintah tetap**

**12.** Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran yang disebut “Perintah-Perintah Tetap”, yang selaras dengan peruntukan Akta ini, tentang kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai Agensi, dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik Agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas, dan pada amnya bagi memastikan Agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

### **Peraturan-peraturan**

**13.** Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberi kesan sepenuhnya kepada atau bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

---

JADUAL

[Section 9]

LAPORAN PEGAWAI AGENSI

*Kepada Pendakwa Raya.*

1. Pada pukul \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 20\_\_\_\_, saya telah menerima maklumat melalui \_\_\_\_\_ daripada \_\_\_\_\_ bahawa suatu \_\_\_\_\_ telah berlaku di \_\_\_\_\_ dan bahawa \_\_\_\_\_ orang telah terlibat atau disyaki terlibat di dalamnya, dan bahawa jumlah amaun harta yang terbabit dalam laporan ialah RM \_\_\_\_\_.
2. Sesudah itu saya terus mengambil tindakan sebagaimana yang diperincikan dalam diari penyiasatan yang disertakan ini.
3. Saya telah memastikan fakta-fakta yang berikut \_\_\_\_\_.
4. Saya telah memeriksa saksi-saksi yang berikut yang pernyataan mereka disertakan dalam laporan ini: orang yang bertanda “B” adalah terikat oleh Bon untuk hadir di Mahkamah.
5. Dokumen yang berikut disertakan dalam laporan ini sebagai tambahan kepada pernyataan-pernyataan saksi:

Diari Penyiasatan No. \_\_\_\_\_

6. Saya berpendapat bahawa kesalahan \_\_\_\_\_ ditampakkan dan bahawa orang yang berikut terlibat di dalamnya \_\_\_\_\_.
7. Saya mempunyai sebab untuk percaya bahawa orang yang berikut, selain orang tertuduh yang belum ditangkap, boleh memperjelas kes ini tetapi saya belum dapat memeriksa mereka kerana sebab-sebab yang dinyatakan di sini:
8. Barang-barang yang tersebut di bawah telah diperoleh atau didapatkan kembali dan akan digunakan sebagai ekshibit.

*Tandatangan*

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 638**

**AKTA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari

– TIADA –

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 638****AKTA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004**

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari– TIADA –  
  

---